



**PENYATA  
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI  
KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN  
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR**

*Special Select Committee on  
Competence, Accountability and Transparency  
(SELCAT)*

**Mengenai**

**PEROLEHAN, PENGGUNAAN DAN PULANGAN  
PINJAMAN RM90.3 JUTA  
OLEH PAISB (PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.)  
DARIPADA KEMENTERIAN KEWANGAN**

**Penyata ini disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keber tanggungjawaban dan Ketelusan ( *Special Select Committee on Competence, Accountability and Transparency-SELCAT* ), Dewan Negeri Selangor ke atas “Perolehan, Penggunaan dan Pulangan Pinjaman RM90.3 Juta oleh PAISB (PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.) daripada Kementerian Kewangan”**

## **MUKADIMAH**

SELCAT telah bersetuju mengadakan pendengaran awam pada 7 Mac 2012 (Rabu) bagi menyiasat isu Perolehan, Penggunaan dan Pulangan Pinjaman RM90.3 Juta oleh PAISB daripada Kementerian Kewangan setelah meneliti penemuan-penemuan Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) di pendengaran tertutup jawatankuasa tersebut.

## **SAKSI-SAKSI**

Seramai 8 orang yang terdiri daripada saksi dan pegawai iringan telah dipanggil oleh SELCAT untuk hadir memberikan keterangan dan membantu memberikan penjelasan di hadapan SELCAT. Mereka terdiri daripada:-

- a) Tuan Haji Ali Bin Ahmad,  
Pengurus Besar, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)
- b) Tuan Haji Aqmal Azam Bin Ahmad,  
Timbalan Pengurus Besar, PKPS
- c) Puan Siti Khadijah Binti Dato' Zakaria,  
Pengurus Kanan Kesetiausahaan, PKPS
- d) Encik Azhar Bin Haji Ahmad,  
Pengurus Operasi PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.

- e) Puan Rosmiyati Binti Bakhtiar,  
Penolong Pengurus Akaun, PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.
- f) Puan Hayati Binti Abdullah,  
Penolong Pengurus Pentadbiran, PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.
- g) Tuan Haji Md Zahary Bin Malek
- h) Encik Chong Choon Loong

## PENDAHULUAN

1. Pinjaman yang diperolehi pada September 2005 oleh PAISB (PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.) dan syarikat subsidiarinya pada Oktober 2006 daripada Kementerian Kewangan berjumlah RM90.3 juta dengan butiran:
  - a) Projek Pemprosesan Salad dan Jus Buah-buahan Tropika-RM30.1 juta;
  - b) Projek R&D Sisa Buangan Kepada Bentuk Baja Organik-RM1 juta; dan
  - c) Projek Teknologi Nano Mengekstrak Bahan Aktif Herba Tempatan -RM50.2 juta.

### A. Penggunaan Pinjaman RM30.1 juta.

#### Fakta:

2. Projek melibatkan pemprosesan salad dan jus buah-buahan tropika.
3. Projek diurus oleh subsidiari bernama Premium Sanitised Products Sdn. Bhd. (PSPSB).
4. Pegangan saham PAISB ke atas PSPSB adalah 100%.

5. Pembelian mesin melibatkan nilai sebanyak RM15 juta iaitu hampir 50% daripada jumlah keseluruhan pinjaman.
6. Syarikat pembekal mesin adalah Icor Mirak (M) Sdn. Bhd.
7. Lantikan pembekal adalah melalui kaedah pemberian terus atau *direct award*.

**Penemuan Audit:**

8. Projek mengalami kerugian sejak beroperasi pada tahun 2008 dan 2009.
9. Jumlah kerugian adalah RM5.46 juta berbanding sasaran keuntungan RM20.89 juta.
10. Syarikat mengalami kerugian terkumpul RM9.23 juta dan berhenti beroperasi pada bulan Februari 2010 (2 tahun operasi).

**B. Penggunaan Pinjaman RM10 juta.**

**Fakta:**

11. Projek merupakan program R&D sisa buangan kepada bentuk baja organik.
12. Projek diurus oleh Premium Agro Products Sdn. Bhd. (PAPSB).
13. Pegangan saham ke atas PAPSB adalah 85% PAISB dan 15% Hidangan Mudah Keluarga Sdn. Bhd.
14. Pembelian mesin dan kelengkapan melibatkan nilai sebanyak RM4.11 juta iaitu 41% daripada jumlah keseluruhan pinjaman.
15. Syarikat pembekal mesin adalah Detik Aturan Sdn. Bhd. dan Gardenia Forum Sdn. Bhd.
16. Lantikan pembekal adalah melalui kaedah pemberian terus atau *direct award*.

**Penemuan Audit:**

17. Projek gagal mencapai sasaran keuntungan yang ditetapkan pada tahun 2008 dan 2009 iaitu RM1.55 juta.
18. Syarikat mengalami kerugian pada tahun 2008 dan 2009 berjumlah RM0.76 juta serta kerugian terkumpul RM2.38 juta pada 31 Disember 2009.
19. Projek tidak mencapai sasaran pengeluaran tahun 2008 dan 2009 iaitu sebanyak 1,229 tan metrik daripada sasaran 9,072 tan metrik.
20. Syarikat berhenti beroperasi pada bulan Februari 2010.

**C. Penggunaan Pinjaman RM50.20 juta.**

**Fakta:**

21. Projek merupakan penggunaan teknologi nano bagi mengekstrak bahan aktif herba tempatan.
22. Projek diurus oleh Premium Bioherbs Sdn. Bhd. (PBSB).
23. Pegangan saham ke atas PBSB adalah 60% Premium Agro Products Sdn Bhd dan 40% Agrotech Capital Pte Ltd.
24. Pinjaman RM50.20 juta adalah di atas nama Premium Agro Products Sdn. Bhd. (PAPSB).
25. Pembelian mesin dan peralatan melibatkan nilai sebanyak RM27.18 juta iaitu hampir 54% daripada jumlah keseluruhan pinjaman.
26. Syarikat pembekal mesin adalah Technano K Capital Limited.
27. Lantikan adalah melalui kaedah pemberian terus atau *direct award*.

Penemuan Audit:

28. Pengeluaran dan pasaran produk nano masih belum dilaksanakan.
29. Pulangan atas pelaburan projek masih belum diperolehi.

**PENEMUAN DARIPADA PENDENGARAN AWAM SELCAT**

30. Butiran-butiran berikut diperoleh semasa pendengaran awam:
  - a) tiada rekod dan sebab yang jelas kenapa pihak luar diajak mewujudkan syarikat subsidiari bersama-sama PAISB;
  - b) terdapat amalan yang longgar dan mudah untuk mewujudkan subsidiari yang berlapis-lapis di bawah PAISB;
  - c) tiada jaminan diperlukan oleh pihak Kementerian Kewangan bagi pinjaman berjumlah RM90.3 juta;
  - d) perjanjian yang ditandatangani menyatakan pihak Kementerian Kewangan akan mengambil alih pengurusan projek sekiranya pihak peminjam gagal membayar pinjaman;
  - e) terdapat amalan MBO (*management buy-out*) yang membenarkan pihak pengurusan kanan yang gagal mengurus syarikat untuk mengambil alih syarikat;
  - f) sesuatu perniagaan diceburi tanpa PAISB memiliki kepakaran untuk mengendali dan menjayakannya;
  - g) pihak pengurusan baru PKPS tidak dimaklumkan bahawa PAISB ada menerima pinjaman sebanyak RM90.3 juta;
  - h) pihak pengurusan baru PKPS menyatakan bahawa tiada harapan (*no hope*) bagi pihak PAISB untuk melunaskan hutangnya yang begitu besar jumlahnya;

- i) terdapat amalan meluluskan pinjaman terlebih dahulu dan kemudian baru ditubuhkan syarikat yang akan menerima pinjaman tersebut;
- j) terdapat amalan memberi pinjaman yang besar nilainya (RM50.2 juta) kepada syarikat walaupun hanya baru dua hari ditubuhkan;
- k) terdapat amalan yang longgar mendefinisikan projek R&D bagi tujuan mendapatkan sama ada geran mahupun pinjaman bagi tujuan penyelidikan yang bertukar menjadi perniagaan;
- l) terdapat amalan mencairkan pegangan saham PAISB dalam syarikat subsidiari hingga boleh menyebabkan penurunan peratus keuntungan;
- m) tidak terdapat garis panduan bagi perbelanjaan pinjaman bagi sesuatu projek;
- n) pembelian mesin dan peralatan bagi sesuatu projek tidak menggunakan proses tender terbuka sebaliknya hanya melalui *direct negotiation*;
- o) terdapat amalan *insider information* hinggakan ada pihak ketiga sudah tahu projek yang dikemukakan akan diluluskan dan sudah berlaku perundingan untuk membekalkan mesin kepada syarikat yang mendapat pinjaman; dan
- p) tanggungan hutang PAISB terkini adalah RM40.1 juta.

## ISU-ISU UTAMA

31. Pinjaman lebih berupa tawaran mudah daripada pihak Kementerian Kewangan tanpa perlu justifikasi terperinci daripada PAISB.
32. Semua projek seolah-olah tertumpu untuk menggunakan pinjaman bagi pembelian mesin dan peralatan (serta pembinaan bangunan).

33. Tiada garis panduan atau kawalan tentang penggunaan pinjaman.
34. Terdapat kemungkinan pembekalan mesin dan peralatan dikuasai oleh rakan kongsi minoriti atau kontraktor luar.
35. Amalan lantikan secara terus atau *direct award* amat mencurigakan.
36. Strategi dan program bagi PAISB membayar hutang berjumlah RM40.1 juta.

## SARANAN JAWATANKUASA


37. Menjalankan audit dalam terhadap semua aset semasa bagi projek yang melibatkan tanggungan hutang berjumlah RM40.1 juta ke atas PAISB dan menimbangkan bayaran hutang berdasarkan nilai aset terutama nilai tanah jika ada.
38. Kerajaan Negeri adalah disarankan agar:-
  - a) mengadakan garis panduan yang lebih ketat terhadap mana-mana anak syarikat yang mahu mewujudkan syarikat-syarikat subsidiari di bawahnya;
  - b) menyemak perjanjian antara PAISB dan Kementerian Kewangan bagi mengetahui apakah syarat-syarat lain hingga menyebabkan tiada jaminan diperlukan oleh pihak Kementerian Kewangan bagi pinjaman berjumlah RM90.3 juta;
  - c) meneliti perjanjian yang ditandatangani antara PAISB dan Kementerian Kewangan bagi memungkinkan proses pengambilalihan pengurusan projek oleh pihak Kementerian Kewangan kerana PAISB sebagai peminjam telah gagal membayar pinjaman;
  - d) mengadakan garis panduan dan peraturan yang lebih ketat terhadap amalan MBO (*management buy-out*) yang membenarkan pihak

pengurusan kanan yang gagal mengurus syarikat untuk mengambil alih syarikat;

- e) mewujudkan mekanisme memantau agar amalan syarikat-syarikat subsidiari Kerajaan Negeri yang menceburi sesuatu perniagaan tanpa memiliki kepakaran dapat dicegah dari awal;
  - f) mewujudkan garis panduan bagi perbelanjaan pinjaman bagi sesuatu projek;
  - g) memastikan amalan lantikan terus tanpa proses tender terbuka dalam pembelian mesin dan peralatan dalam jumlah jutaan ringgit dihentikan oleh mana-mana syarikat subsidiari Kerajaan Negeri;
  - h) memastikan amalan penyalahgunaan *insider information* dihentikan oleh mana-mana syarikat subsidiari Kerajaan Negeri;
39. Kerajaan Negeri juga perlu mewujudkan peraturan bagi memastikan:-
- a) syarikat-syarikat subsidiari melaporkan semua pinjaman yang diterima kepada mana pihak pengurusan yang baru dilantik oleh Kerajaan Negeri;
  - b) tiada amalan meluluskan pinjaman terlebih dahulu dan kemudian baru menubuhkan syarikat yang akan menerima pinjaman tersebut ataupun amalan memberi pinjaman kepada syarikat subsidiari walaupun hanya baru beberapa hari ditubuhkan;
  - c) sesuatu projek R&D tidak secara mudah bertukar menjadi projek perniagaan;
  - d) tiada syarikat induk yang secara mudah mencairkan pegangan saham syarikat induk dalam syarikat subsidiari hingga boleh menyebabkan penurunan peratus keuntungan;
  - e) tiada syarikat subsidiari yang secara mudah mencairkan pegangan saham syarikat induk dalam syarikat subsidiari hingga boleh menyebabkan penurunan peratus keuntungan.

Penyata ini telah disediakan oleh Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib, Ahli Jawatankuasa SELCAT, telah dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa SELCAT di mesyuarat Jawatankuasa pada 18 Oktober 2012.

Disahkan oleh:

  
.....  
**Dato' Teng Chang Khim**  
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai  
Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan  
(*Special Select Committee on*  
*Competence, Accountability and Transparency- SELCAT*)